



# BAHASA MELAYU

*Koleksi Nadir*  
*dan*  
*Koleksi Peribadi*





# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



Muhammad Ibrahim Munshi

*Benih pengetahuan iaitu permulaan bagi kanak-kanak belajar dari alif, ba, ta hingga boleh membuktikan perkataan bahasa Melayu dan membaca dengan betulnya.* Muar: Mohamad Khalid bin Haji Abdullah Munshi Johor. 1905.

[MN 499.2381 MIM]

Merupakan pelajaran pertama bagi kanak-kanak untuk belajar setiap perkataan yang mempunyai huruf Melayu, huruf saksi, angka, huruf yang mempunyai dua bunyi atau bersambung bunyi dan huruf berpadu sehingga boleh mengeja dan membaca. Dari kitab ini juga boleh bertambah pengetahuan bahasa Melayu kerana di dalamnya terdapat sebanyak 34 pelajaran, berakhir dengan naskhah kanak-kanak yang boleh dibaca.




KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



Marsden, William, 1754-1836

*A Grammar of the Malayan language with an introduction and praxis.*


London: Cox & Baylis, 1812.

[MN 499.2382 MAR]

Buku ini memaparkan tentang penggunaan nahu bahasa Melayu di samping genre kesusasteraan lain yang terdapat dalam masyarakat Melayu seperti pantun, syair dan seloka. Buku ini juga dilengkapi petikan surat, hikayat dan sajak yang memperlihatkan lenggok bahasa Melayu yang digunakan pada sekitar abad ke-18. Buku ini telah diusahakan oleh William Marsden sewaktu beliau mengkaji penggunaan nahu bahasa Melayu pada abad tersebut dan digunakan oleh para pegawai Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu ketika itu.



# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



Hamilton, A.W.

*Malay sonnets = Pantun Melayu*. Singapore: [s.n.], [1932].

[MN 899.231 HAM]

Mengandungi kumpulan pantun Melayu yang terpilih yang telah dialih bahasa ke bahasa Inggeris beserta senarai pantun yang asal. Penulis menyatakan bahawa pantun merupakan puisi Melayu jati yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menggambarkan pelbagai keadaan seperti sedih, gembira, sayang dan juga nasihat. Pantun juga boleh digunakan secara berbalas-balas dalam upacara peminangan dan perkahwinan. Pantun juga boleh dinyanyikan dalam bentuk lagu, antaranya Pantun Rasa Sayang. Pantun turut dibaca sebagai mantera dalam jampi serapah yang diamalkan oleh pawang atau dukun dalam perubatan tradisional.





KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



Greentree, Richard

*Poems of the Malay Peninsula: with an introductory essay on the Malay people.* London: P. Wellby, 1901.



[MN 821 GRE]

Memuatkan pelbagai puisi Melayu tradisional yang menggambarkan asal usul perilaku, kehidupan dan ketamadunan masyarakat Melayu. Puisi dalam jiwa masyarakat Melayu tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pertahanan, hiburan dan kepercayaan.



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



Haex, Davidis


*Dictionarivm Malaico-Latinvm & Latino-Malaicvm.* Rome: Typis & impenfis Sac. Congr. de Propag. Fide, 1631.  
[MN 499.23371 HAE]

Kamus ini adalah di antara kamus dwibahasa terawal yang memuatkan terjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Latin dan Bahasa Latin ke Bahasa Melayu. Idea menulis kamus ini tercetus daripada pengalaman orang-orang asing yang belseyar ke wilayah nusantara sejak berabad-abad lalu. Buku ini adalah buku tertua yang terdapat di dalam koleksi nadir PNM.





# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)




Crawfurd, John, 1783-1868

*Grammar and dictionary of the Malay Language.* London: Smith, Elder and Co., 1852.

[MN 499.23 CRA]

Kamus ini adalah antara kamus terawal Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris yang dihasilkan dan disusun mengikut turutan abjad.





# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU (BUKU)



Dussek, O. T.

Teka-teki. Singapore: Methodist Pub. House, 1918.




[MN 398.9923 DUS]

Penulis menganggap isi kandungan teka teki ini sebagai salah satu daripada hasil sastera yang kebanyakannya telah diketahui oleh kanak-kanak dan orang dewasa. Juga dihasilkan dalam bentuk pantun dan puisi dengan alam sekeliling dan sayur-sayuran dijadikan sebagai tema. Sebahagiannya diambil daripada kolumn akhbar Utusan Melayu. Setiap teka teki turut disertakan dengan jawapan menggunakan bahasa puitis dan berbunga-bunga.



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA


# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( BUKU )



Name.	A GRAMMAR OF THE THE MALAY ALPHABET.			
	IV. Finals. Connected.	III. Unconnected.	II. Metals and Initials. Connected.	I. Unconnected.
Aulf	ل	ل	ل	A in all, as in
Ilé	ي	ي	ي	B
Pé	پ	پ	پ	[P] in mouth
Té	ت	ت	ت	T
Jerm	ج	ج	ج	ث, in the Arab
Hhé	ح	ح	ح	J in far.
Khé	خ	خ	خ	Hh strong aspirate.
Dal	د	د	د	Kh guttural.
Ré	ر	ر	ر	د, د, in the Arab
Zé	ز	ز	ز	S
Sin	س	س	س	ش, ت
Shin	ش	ش	ش	ش, ف
Osin	ع	ع	ع	A very slender
Pé	غ	غ	غ	Gh
Kif	ك	ك	ك	C or K softer than ج
Kof	ق	ق	ق	K
Gaf	ف	ف	ف	G
Lam	ل	ل	ل	L
Mim	م	م	م	M
Nun	ن	ن	ن	N
Vau	و	و	و	و, و
Hé	ه	ه	ه	H light aspirate.
Yé	ي	ي	ي	Y
Ché	چ	چ	چ	Ch in cher.
Né	ڠ	ڠ	ڠ	Ng in bang.
Leum-nuif	ڻ	ڻ	ڻ	ڻ



A Grammar of the Malay tongue as spoken in the Peninsula of Malacca,  
the Islands of Sumatra, Java, Borneo, Pulo Pinang. London:  
Arabic and Persian Press, 1880.  
[MN 499.2382 GRA]

Bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang digunakan oleh penduduk Nusantara pada abad tersebut. Justeru kandungan buku ini banyak membicatakan tentang nahu dan tatabahasa. Turut dinyatakan juga ukuran dan sistem timbangan serta bulan-bulan Islam. Ditulis dalam tulisan rumi, Inggeris dan jawi. Peta yang menunjukkan penggunaan bahasa Melayu di Kepulauan Sumatera, Jawa, Borneo dan Tanah Melayu turut dilampirkan dalam buku ini. Buku nahu bahasa Melayu ini merupakan antara yang ternadir dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.





# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



Mastika. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, 1972-.

KP 220 ZAA

Majalah Mastika diterbitkan semula pada November 1946 menggantikan nama lamanya iaitu Mustika yang diberhentikan penerbitannya pada Disember 1941. Majalah ini adalah antara majalah yang paling lama bertahan di pasaran sejak 1941 dan mengalami pelbagai perubahan dari segi konsep. Isi kandungan menjurus kepada ilmu pengetahuan, kesihatan, pendidikan, bahasa dan sebagainya. Kulit majalah Mastika keluaran September 1972 ini dihiasi dengan gambar potret Pendeta Z'aba.



tuk oleh yang Dipertuan Agung ke III, Duli Yang Maha Mulia Sultan Syed Putera Ibu Almarhum Syed Jamallail.

Berasarai keturunan Bugis, ayahnya ditang membuka Kampung Linggi pada awal kurun masih ke 18. Pendeta Za'ba dilahirkan pada 16hb. September 1895M di Batu Kikir, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Ayahnya seorang yang kuat beragama dan cegang ini terstabilah Za'ba menjadi seorang yang taus serta faham akan selok belok agama.

Dengan didikan yang tidak formal ini Za'ba telah dapat menggunakan Bahasa Arab panjang juga mengambil bentuk ijarah pelajaran anak-anak-anak. Lalu Za'ba disekolahkan di Sekolah Melayu Kuala Pilah. Setelah tamat darjah 5 dengan mendapat kelulusan terbaik lalu beliau dihantar belajar di St. Pauls Institution Seremban hingga julus Senyai Cambridge pada tahun 1914M.

Pada tahun 1916M Za'ba telah diterima menjadi Guru Bahasa Inggeris di English Collage, Johor Bharu. Di samping mengajar beliau sempena pula belajar Bahasa Arab bagi menyambang yang pernah dipelajarinya semasa kecil dahulu.

Za'ba menjadi guru bahasa di English Collage hingga penghujungan tahun 1917M.

Pada awal tahun 1918M, hingga tahun 1923M, beliau telah dilantik menjadi guru dan penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Semasa menjadi guru iniilah beliau menulis renchana mengenai Bahasa Melayu. Makalah-makalahnya agak ringan tetapi lama kelamaan kearah yang lebih berat. Beliau juga menggalas pantun, shair di Lembaga Melayu dan Utusan Zaman yang diterbitkan di Singapura.

Bulan Mei 1923M Za'ba telah difikirkan menjadi penterjemah Bahasa Melayu — Inggeris di Pejabat Pelajaran Negeri 2 di ibu negara Negeri Melaka. Bersikutu yang seterusnya dia sudilah beribru pejabat di Kuala Lumpur. Beliau chuma bersigra di sini hingga pertengahan tahun 1924M.

Penghujungan tahun 1924M Za'ba telah dianugerahkan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tengku Maham. Disini beliau menulis dengan lebih produktif. Beliau berjaya mengarang buku2 tata Bahasa Melayu serta saduran2 dan terjemahan dari Bahasa Arab mengenai agama Islam.

Ada juga essay Za'ba yang mempercatakan soal2 pendidikan, soal2 ekonomi bangsa dan soal2 fabar baru dalam Islam, tetapi yang lebih banyak ialah tentang tata Bahasa Melayu itu sendiri.




KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



*Qalam. Singapura: Qalam Press, 1955-.*  
**KP 310 ZAA**

Majalah yang merakam sejarah Malaysia pada awal kemerdekaannya. Selama 228 penerbitannya, Majalah Qalam menghimpunkan karangan, laporan, ulasan, gambar dan soal-jawab yang diterbitkan sepenuhnya dalam tulisan Jawi. Majalah Qalam diasaskan oleh Syed Abdullah al-Edrus selama 19 tahun bermula dari tahun 1950 hingga 1969.





KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

**فتن سعو**  
**PENGASUH**

BILANGAN 445  
\$1.00  
KDN - MI - 1390/R/20 (ISSN 0126 - 6462)

31459 /  
September 1979  
Spiral 1399

منارا کابو مسجد فولی چوندوخ

قاموس بیالاغن این  
دسوسن اوله: هیداله یوسف  
پیدغ عباره

گتران سوقها  
۴-س. 39: قابو مسراوغ کمال ازوادی  
ظلو مسراوغ کمال لایلیه بیره.  
کران ناکه برلاک کچهبران  
برکه دان واله  
برکه دان لمبه  
سیکفت هیدوف مسلم  
۴-س. 40: سیکفت ایک  
سیکفت کامران  
وو قوب چوندوخ  
۴-س. 19: سرواه کتاب الام بع قدرالر  
سرواه کتاب الام بع لرکتل  
عقده توحید (داروه کسا القرآن)  
۴-س. 20: سوده منجادی اسلوب القرآن  
سوده منجادی کای فیضان القرآن  
سادو تکرچیان وندهاپس دان روپوشش  
سادو تکرچیان رسخ برلناک دان بر صده  
روپوش  
سادو کورسیف هینتاچیزی باع امه شنیخ  
سادو کورسیف قلصه مقاصی سهوات بع  
دوازه هالم پیمان  
۴-س. 31: سادو کجادون بع اشتکیال بند فرسته  
سادو کجادون بع سهفرن سکل بهالین بع  
درسته  
رامان ۲: هیفوئسی دان فدامان ۲ بع  
برآور  
رامان ۳: اندان دان فدامان ۳ بع تراور  
۴-س. 32: مائسی مشلاجه کمال هعوز  
مائسی مشلاجه کمال بع تیعلق دکتیوی  
۴-س. 33: مختار تکن اشتراکی انترا بوس دان  
لایله  
مختار تکن مصالحه برینتفیشیکن سبای  
دان لایله  
حدیث ۲: فیلین  
۴-س. 35: سلنه ۲: کاسه، کنج، ازوره، فویق  
سلنه ۲: کاسه، کنج، ازوره، فویق

*Pengasuh. Kota Bharu, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1979-.*

**KP 622 CID**

Mengandungi tulisan-tulisan bercorak keagamaan. Antara ruangan yang lazim disiarkan ialah isu-isu agama semasa, soal jawab, fatwa, rencana, tafsir al-Quran dan hadis, tarikh, khutbah Jumaat, dan tokoh ulama. Pengasuh adalah majalah Melayu paling tua di negara ini dan pada peringkat awal majalah ini merupakan Warta Majlis yang berfungsi untuk mengedarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mesyuarat-mesyuarat ulama.




KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1957.  
**KP 199 ZAA**

Pada asalnya majalah ini diisi dengan rencana-rencana bersifat umum berkenaan bahasa, kesusasteraan dan budaya. Dalam kata-kata aluannya, Pengarah DBP, Syed Nasir Ismail menyatakan bahawa antara tujuan majalah ini ialah untuk mengadakan wadah bagi segala pandangan, pendapat, fikiran dan hasil penyelidikan tentang bahasa. Di samping itu, majalah ini diharapkan dapat menampung hasil karya kreatif dan persoalan tentang sastera Melayu. Mulai 1981, majalah ini diisi dengan artikel-artikel bersifat ilmiah berhubung bahasa dan ini diteruskan apabila mulai Januari 1989, majalah ini diubah bentuk menjadi jurnal ilmiah berhubung bahasa. Inilah majalah pertama yang diterbitkan oleh Dewan bahasa dan Pustaka.



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



## PANTUN PUSSI RA'AYAT

Yang horuk ialah gundi,  
Yang merak ialah soga.  
Yang buk ialah budji,  
Yang infik ialah bahau.

Menerusi sa-tengah pendapat, bahwa perkata'an PANTUN pada awalnya dikira-kali hanya hermata "Sapiari" atau "Sa-empama." Ini dapat kita buktikan dari kata orang tuul yang pernah kita dengar:

Sa-pantus ayam tidak berinduk,  
Merasampi orang maka matan.

Ini ada dua rangkah PANTUN pole, yang ada perkata'an PANTUN ampu, dan yang mengandungi ma'ana "Sapiari" atau "Sa-empama."

Najasah hari rintek,  
Tumbuh chendawan gelang kakil.

Kami sapatos teles itek;  
Kach ayam maka menjadi.

Hanyut peran bertali rumus,

Fenoh berisi galau;

Tuan sajaputus kiat cermin;

Dilabuk gunase amupak juga.

Tetapi pada masa ini, PANTUN lebih dikemali oleh masyarakat kita, bahkan buah eritya yang sabar, iaitu satu derida' karangang berasangkap atau Puisi kata orang ukurang.

Diancam orang Melayu belum takar mewujud dan membaiki diri untuk pandai HERPANTUN, dan telah pernah pole beri PANTUN antara satu sama lain. Dan isi klassanya berlaku di 'adat pinang memominang, berada dia, metari dan yang stumpan-

Si dalam Kongres isi kebunyan portaria yang penting telah dihadirkan dan beberapa kontingen telah dipersentih yang akhirnya menyumbang kepada kesuksesan berkembangnya perkembangan Bahasa Melayu di seluruh dunia. Kongres ini telah berlangsung pada 14 September 1956.

Di dalam Kongres isi kebunyan portaria yang penting telah dihadirkan dan beberapa kontingen telah dipersentih yang akhirnya menyumbang kepada kesuksesan perkembangan Bahasa Melayu.

Orang dapat dan berses seang menganggarbar atau melahirkan perasa'an hati dan kieldan jiwanya modeli sarangkap PANTUN. Untama'man saya aiba, seolah, seka, duka dan yang stumpan-sya, begitu juga dengan perasa'an yang tidak khasnya dalam alam beritaang sayang dengan projek rayunya yang jemu bentuk PANTUN menjadi jauh bikharyanya.

PANTUN adalah hak bangsa kita yang jati. Gambaran perihdi bangsa kita banyak didapat ditulain PANTUN. Dari itu PANTUN adalah literatur tamas tempat diharapkan jika bangsa kita dari naman beraram

Dalam distar rumah Che'Mas,  
Berid laukperas beri dan gangga,  
Pantun Seru sebuah tamas;  
Mengisi gambaran perihdi bangsa.

Selain daripada dapat menuliskan gambaran perasa'an meny, ilmu, seolah, seka dan duka kita PANTUN dapat pula melahirkan beberapa lagi bahasa, yang memahami arti kritisng dan kensil'as bagi bahasa serta penting dan fardziahnya pelajaran.

Dalam di-tulakan, dan cawat yang tiap2 perkara itu:

### BUDI - BAHASA.

Marilah rasa lepat dan preling,  
Dibeli dapat buatan Che' Asmar,  
Budi bahasa amatlah pertina;  
Lebet daripada makian dia minan.

Menteh bunga larissa kudup,  
Buncit otmaru bayana uberi,  
Budi bahasa perihisan hidup;  
Harta benda perihisan diri.

### PELAJARAN.

Surut dibulu pantai berkeras,  
Puisi terlelah kancan yang kene,  
Tentulah luar syahul issang;  
Kerina fa'dahnya amat berguna.

Tebuan mengayru setiaru kuruy,  
Rupanya kanti terempak sarang;  
Pengalahua kanti pahlawan hidup;  
Kanana pergi belah berjang.

— Noraini Arshad,  
Kuala Lumpur.

SELUDANG MANGGAR ENTERPRISE  
Email: nadir@tm.net.my

17

*Taman Bahasa. Melaka: Ikatan Persuratan Melayu, 1958.-.*

**KP 213 ZAA**

Mengandungi pelbagai jenis penulisan berkaitan bahasa Melayu, kebudayaan dan kesusasteraan yang ditulis secara ilmiah dan semi ilmiah. Majalah terbitan Ikatan Persuratan Melayu ini turut mengupas isu perkembangan kesusasteraan Melayu bagi memartabatkan Kebudayaan Kebangsaan di Tanah Melayu. Turut dimuatkan adalah soalan peperiksaan Bahasa Melayu (Cambridge) 1957 yang sangat jauh bezanya daripada soalan-soalan yang telah lalu untuk rujukan para pelajar.



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

# PAMERAN KOLEKSI NADIR BAHASA MELAYU ( MAJALAH )



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



Dewan Sastra: Peneroka Sastra Kreatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

**KP 211 ZAA**

Penerbitan Dewan Sastra yang kini dikenali sebagai Dewan Sastera mula diterbitkan pada 15 Januari 1971 telah memberi nafas segar dalam memperkisasakan sastera Melayu. Dewan Sastra keluaran November 1973 ini secara khususnya mengumpul pelbagai artikel yang menggambarkan sikap, pemikiran, idealisme serta jasa dan sumbangannya Pendeta Z'aba dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia. Z'aba bagai sebutir mutiara yang paling berharga dalam dunia kesusastraan Melayu moden.

